

NAMA : _____

KELAS : _____

Kata Adjektif Sifat/Keadaan



Lengkapkan ayat dengan kata adjektif sifat atau keadaan yang betul.

SP 5.1.3 (i)

cergas

cantik

rajin

patuh

kemas

- 1 Lukisan mural pada dinding sekolah _____.
- 2 Murid di dalam kelas itu _____ membuat ulang kaji.
- 3 Badan Ravi _____ kerana dia selalu bersenam.
- 4 Buku di dalam perpustakaan itu disusun dengan _____.
- 5 Kita mestilah _____ pada setiap peraturan sekolah.

Kata Adjektif Warna



Gariskan kata adjektif warna dalam petikan.

SP 5.1.3 (ii)

Kim Beng melawat taman rekreasi bersama-sama ahli keluarganya. Taman rekreasi itu dipenuhi oleh pokok-pokok yang berwarna hijau. Terdapat banyak bunga kertas yang berwarna kuning, merah dan jingga di taman itu.

Air tasik di taman rekreasi itu berwarna biru dan jernih. Terdapat banyak ikan yang beraneka warna di tasik itu. Ada ikan yang berwarna kuning, merah, putih dan hitam.

Kim Beng juga melawat ke taman rama-rama. Terdapat pelbagai jenis rama-rama. Warna rama-rama itu berbeza-beza. Ada rama-rama yang berwarna coklat, putih dan berbelang-belang. Kim Beng sangat gembira pada hari itu.